





NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DI-TERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 13
Bil. 12

12hb Jun, 1969

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 17.

UNDANG² PERBANDARAN

(Negeri² Selat Bab 133)

UNDANG²-KECIL (LEMBU-KERBAU) BANDARAYA GEORGE TOWN, PULAU PINANG 1968

BAHAWASA-NYA sabagai menjalankan kuasa² yang di-kurniakan oleh seksyen 58 (1) (s), (u) dan (v) (iii) dan (iv) Undang² Perbandaran, Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang telah meluluskan Undang²-kecil (Lembu-Kerbau) Bandaraya George Town, Pulau Pinang 1968, di-suatu mesuarat khas-nya yang di-adakan pada 18hb Jun, 1968.

Dan bahawasa-nya mengikut seksyen 58 (4) Undang² Perbandaran, Undang²-kecil tersebut telah di-siarkan di-dalam *Warta Kerajaan* Pulau Pinang sa-belum ia-nya di-sahkan sabagai Pemberitahu *Warta Kerajaan* Pulau Pinang Bil. 21 bertarikh 6hb Februari, 1969.

Oleh itu sekarang ini sabagai menjalankan kuasa² yang di-serahkan oleh seksyen 58 (4) Undang² Perbandaran maka dengan ini Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang²-kecil tersebut seperti berikut:

1. Undang²-kecil ini boleh-lah di-namakan sabagai Undang²-kecil Nama.
(Lembu-Kerbau) Bandaraya George Town, Pulau Pinang 1968.

2. Dalam Undang²-kecil ini, melainkan kandungan ayat-nya meng-hendaki ma'ana yang lain—

"Lembu-Kerbau", termasuk-lah kuda, lembu, sapi, kerbau, kambing biri², kambing dan babi.

"Kandang Lembu-Kerbau" erti-nya sa-suatu bangunan yang di-guna-kan atau yang di-chadangkan untuk di-gunakan bagi memelihara lembu-kerbau.

"Pegawai Kesehatan" erti-nya Pegawai Kesehatan Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang dan timbalan-nya dan termasuk mana² pekerja yang di-lantek sechara bertulis oleh Majlis sabagai pihak berkuasa kesehatan bagi maksud Undang²-kecil ini.

"Pemegang Lesen" erti-nya sa-saorang yang di-berikan lesen di-bawah Undang²-kechil ini.

"bangunan berlesen" erti-nya sa-sabuaah bangunan yang berlesen di-bawah Undang²-kechil ini, dan termasuk tanah yang menjadi kepunyaan-nya.

"Majlis" berm'ana Majlis Bandaraya, George Town, Pulau Pinang.

Lesen bagi
memelihara
lembu-kerbau.

3. (1) Tiada sa-buah tempat pun di-dalam Bandaraya George Town, Pulau Pinang, boleh di-gunakan oleh mana² orang bagi maksud memelihara lembu-kerbau dengan tiada berlesen yang di-keluarkan oleh Pegawai Kesehatan melainkan di-kechualikan oleh Pegawai Kesehatan.

(2) Pegawai Kesehatan boleh melesenkan sa-suatu tempat di-dalam Bandaraya George Town bagi maksud memelihara lembu-kerbau. Lesen itu hendak-lah terta'alok kepada sharat² yang mungkin di-tetap-kan dan kepada lain² sharat yang Pegawai Kesehatan mungkin kenakan mengikut budi-bichara-nya.

(3) Tiap² pemegang lesen hendak-lah sa-tiap masa meletakkan lesen-nya pada tempat yang mudah di-lihat dan di-pereksa dalam bangunan berlesen itu, dan hendak-lah mengemukakan atau di-sebabkan supaya di-kemukakan apabila di-minta oleh Pegawai Kesehatan untuk di-pereksa.

(4) Sa-siapa yang gagal mematuhi perenggan (3) dengan tiada sebab yang menasabah, boleh di-kenakan denda sa-banyak dua ratus lima puluh ringgit.

(5) Tiap² permohonan bagi sa-suatu lesen untuk menggunakan mana² tempat sabagai satu kandang lembu-kerbau, hendak-lah menyatakan bilangan lembu-kerbau yang hendak di-pelihara di-dalam-nya dari hendak-lah di-sertai dengan satu pelan yang menunjokkan tapak dan keluasan tanah kepunyaan kandang lembu-kerbau itu.

(6) Tiap² lesen yang di-keluarkan di-bawah Undang²-kechil ini hendak-lah menyatakan nama pemegang lesen, lelak-nya bangunan, alamat pos dan bilangan lembu-kerbau yang di-benarkan di-pelihara dalam kandang lembu-kerbau itu.

(7) Pegawai Kesehatan boleh membatalkan atau menggantungkan lesen itu bagi sa-lama tempoh yang mungkin di-tentukan-nya mengikut budi-bichara mutlak-nya jika berlaku perkara² yang ada langgaran terhadap Undang²-kechil ini atau sharat² sa-suatu lesen oleh pemegang lesen.

(8) Tiap² lesen akan mati tempoh-nya pada 31hb Disember yang akan datang berikutan dengan tarikh pengeluaran-nya.

(9) Pegawai Kesehatan boleh enggan membaharui sa-suatu lesen dengan tidak memberi sebab apa² pun bagi-nya.

(10) Sa-siapa yang tiada berlesen menggunakan mana² tempat di-dalam Bandaraya atau membenarkan tempat tersebut di-gunakan bagi maksud memelihara lembu-kerbau, ada-lah melakukan suatu kesalahan di-bawah Undang²-kechil ini.

(11) Mana² lembu-kerbau yang di-dapati di-luar tempat yang di-nyatakan di-dalam lesen itu boleh di-tangkap oleh pihak Pegawai Kesehatan dan terus di-bawa ka-Rumah Sembeleh Bandaraya untuk di-sembeleh di-situ, atau di-hapuskan dengan chara sabagaimana yang mungkin Pegawai Kesehatan tentukan.

(12) Tiada apa² pampasan akan di-bayar bagi mana² lembu-kerbau yang telah di-sembeleh atau di-hapuskan di-bawah peruntokan² perenggan (11) Undang²-kecil ini.

4. Bayaran bagi sa-suatu lesen yang di-beri di-bawah peruntokan² Undang²-kecil 3 dalam Undang²-kecil ini, hendak-lah menurut kadar² yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini dengan syarat bahawa:

(1) bayaran² yang di-kenakan bagi sa-suatu lesen yang di-keluarkan sa-lepas 30hb Jun dalam mana² tahun, hendak-lah sa-paroh daripada kadar yang di-nyatakan dalam Jadual tersebut;

(2) bayaran yang di-bayar bagi sa-suatu lesen tidak boleh di-bayar balek apabila sa-suatu lesen itu di-batalkan atau di-gantong.

5. (1) Lembu-kerbau tidak boleh di-pindahkan atau di-angkut dari ka-dalam atau di-dalam Bandaraya tanpa suatu surat kebenaran yang di-keluarkan bagi maksud itu oleh pihak Pegawai Kesehatan. Dengan syarat bahawa Undang²-kecil ini tidak-lah di-pakai bagi lembu-kerbau yang dalam pemindahan dari satu tempat ka-tempat lain (transit).

Surat
kebenaran
untuk me-
mindah atau
mengangkut
lembu-kerbau.

(2) Mana² pemunya atau orang yang menjaga mana² lembu-kerbau yang di-pindah atau di-angkut dengan melanggar peruntokan² perenggan (1) Undang²-kecil ini ada-lah melakukan satu kesalahan di-bawah Undang²-kecil ini.

(3) Mana² lembu-kerbau yang di-pindah dari satu tempat ka-tempat yang lain dengan tiada suatu surat kebenaran boleh di-tangkap oleh pihak Pegawai Kesehatan dan terus di-bawa ka-Rumah Sembeleh Bandaraya untuk di-sembeleh di-situ atau di-hapuskan dengan chara sabagaimana yang Pegawai Kesehatan mungkin menentukan.

(4) Bangkai mana² lembu-kerbau yang sudah di-sembeleh di-bawah peruntokan² perenggan (3) Undang²-kecil ini hendak-lah di-hapuskan dengan chara sabagaimana yang Pegawai Kesehatan mungkin menetapkan dan pendapatan² yang timbul dari-nya akan di-pegang oleh Pegawai Kesehatan sementara menunggu keputusan bagi penyelesaian-nya di-bawah perenggan (5).

(5) Sekira-nya suatu sabitan di-rekodkan di-bawah perenggan (4), mana² pendapatan daripada bangkai mana² binatang yang di-sembeleh di-bawah peruntokan² Undang²-kecil ini yang di-pegang oleh Pegawai Kesehatan, hendak-lah di-rampas menjadi hak Majlis, jika tidak hendak-lah di-bayar balek kepada yang empunya atau kepada orang lain sabagaimana yang akan di-hukumkan oleh Mahkamah.

6. (1) Pihak Pegawai Kesehatan akan pada sa-tiap masa yang patut mempunyai kebebasan memasuki tiap² bahagian bangunan berlesen itu.

Kehendak²
Kesehatan.

(2) Lantai² bagi semua bangunan berlesen hendak-lah di-lapisi dengan konkrit atau lain² bahan ta² telap ayer yang di-luluskan oleh pihak Pegawai Kesehatan dan hendak-lah di-churam dengan betul ka-longkang². Longkang² hendak-lah di-bena menurut Undang²-kecil Bangunan, Perbandaran George Town, Pulau Pinang tahun 1939.

G.N. 372/39,
941/39.

(3) Tinggi-nya sa-suatu kandang lembu-kerbau hendak-lah tidak kurang dari lapan kaki di-ukur dari lantai ka-chuchor atap.

(4) Hendak-lah di-adakan suatu ruang lapang yang tidak kurang dari lima belas kaki lebar-nya di-sekeliling kandang lembu-kerbau itu, di-ukur dari tiang² luar sempadan bangunan berlesen itu.

(5) Suatu kandang lembu-kerbau hendak-lah di-bena supaya terdapat ruangan lantai bagi—

(a) tiap² sa-ekor kuda atau kerbau yang di-pelihara di-dalam-nya, tidak kurang daripada sa-puluh kaki panjang-nya dan enam kaki lebar-nya;

(b) tiap² sa-ekor lembu betina atau lembu jantan yang di-pelihara di-dalam-nya, tidak kurang daripada sa-puluh kaki panjang-nya dan empat kaki lebar-nya; dan

(c) tiap² sa-puluh ekor kambing biri², kambing atau babi yang di-pelihara di-dalam-nya, tidak kurang dari sa-ratus lima puluh kaki persegi,

dan ruang itu, bagi tiap² satu-nya, tidak-lah termasuk ruang yang di-gunakan untuk menyimpan makanan, tempat palong makanan atau longkang tengah atau longkang tepi bangunan itu.

(6) Muka lantai sa-suatu kandang lembu-kerbau itu hendak-lah tidak kurang daripada satu kaki lebih tinggi daripada paras purata ruangan lapang itu.

(7) Dinding² bagi sa-suatu kandang lembu-kerbau itu hendak-lah lichin permukaan-nya dan penjuru² nya hendak-lah di-lengkakkan.

(8) Semua kotoran chechaer dari kandang lembu-kerbau itu hendak-lah di-tempatkan di-dalam suatu tangki enapan yang di-bentuk dengan sa-patut-nya sa-belum di-lepaskan ka-dalam suatu talian ayer yang di-luluskan.

(9) Ganti udaraan bagi bangunan itu, yang di-kehendaki di-buat hingga memuaskan hati pihak Pegawai Kesehatan, hendak-lah mempunyai hubungan terus dengan udara luar.

(10) Tanah kepunyaan sa-suatu kandang lembu-kerbau itu hendak-lah di-pagar hingga memuaskan hati pihak Pegawai Kesehatan.

(11) Ruang lapang di-sekeliling kandang lembu-kerbau itu dan di-mana² ju² di-bangunan itu hendak-lah berturap, berturap logam, atau di-tarkan, dan di-longkangkan hingga memuaskan hati pihak Pegawai Kesehatan. Kawasan berturap yang tidak kurang daripada satu per duabelas dari kawasan lantai kandang lembu-kerbau itu hendak-lah di-sediakan untuk membasoh binatang² yang di-pelihara di-dalam-nya.

(12) Suatu kandang yang berasingan hendak-lah di-buat hingga memuaskan hati pihak Pegawai Kesehatan, untuk memerah susu lembu-kerbau itu.

(13) Hendak-lah di-adakan bekalan ayer yang chukup, hingga memuaskan hati pihak Pegawai Kesehatan, di-bangunan berlesen itu.

(14) Segala sampah sarap dagangan, habok sapuan dan lain² benda bahaya atau menohederakan hendak-lah di-buang daripada bangunan itu supaya bangunan itu pada sa-tiap masa dalam keadaan bersih dan baik.

(15) Hendak-lah di-adakan dalam bangunan itu suatu bekas atau bekas² yang sesuai untuk sampah sarap kandang lembu-kerbau itu. Bekas atau bekas² itu hendak-lah di-buat mengikut chara dan di-buat daripada bahan² dan di-senggara sa-tiap waktu dalam satu keadaan supaya dapat menchiegah isi² dalam bekas itu terlepas ka-tanah atau ka-dinding mana² bangunan. Alas atau lantai bekas atau bekas² itu hendak-lah tidak kurang daripada satu kaki sa-tengah lebih tinggi-nya daripada muka tanah yang berdampingan.

(16) Bekas atau bekas² itu hendak-lah bertutup.

(17) Bekas atau bekas² itu hendak-lah mempunyai keluasan yang tidak akan kurang dari satu sa-tengah kaki padu bagi tiap² binatang yang di-pelihara dalam kandang lembu-kerbau itu.

(18) Bekas atau bekas² itu hendak-lah mudah di-pindahkan dan hendak-lah di-lapek, hingga memuaskan hati pihak Pegawai Kesehatan dengan kepingan logam atau lain² bahan ta' telap ayer.

(19) Tiada sa-siapa pun, yang mengidap penyakit kulit atau apa² penyakit lain yang pada pendapat pihak Pegawai Kesehatan ada kemungkinan sabagai merbahaya merebak atau menjangkit, boleh tinggal, boleh di-gaji atau berada dalam atau di-mana² bangunan berlesen.

(20) Pemegang lesen hendak-lah dengan segera memberitahu pihak Pegawai Kesehatan sekira-nya terjadi apa² wabak penyakit binatang yang luar biasa.

(21) Bangunan² yang berlesen tidak boleh mempunyai satu bilek kediaman atau tempat tidur untuk manusia.

(22) Tidak ada kerja² lain, sa-lain dari memelihara lembu-kerbau dan kerja² yang berkaitan, bertalian atau berhubung dengan lembu-kerbau boleh di-jalankan dalam bangunan berlesen tanpa kebenaran bertulis pihak Pegawai Kesehatan.

(23) Pihak Pegawai Kesehatan boleh pada bila² masa pun mengarahkan supaya:

(a) semua benda² dalam bangunan berlesen itu di-pindahkan dari pada bangunan itu;

(b) dinding², lantai² dan siling² bangunan berlesen itu di-bersehhkan dan di-basoh mengikut sabagaimana yang akan di-arahkan;

(c) semua sampah sarap dalam bangunan berlesen itu di-pungut dan di-hapuskan mengikut chara yang mungkin di-arahkan.

(24) Pegawai Kesehatan boleh, mengikut budi-bichara mutlak-nya mengechualikan mana² kehendak² Undang²-kecil ini atau mengenakan syarat² tambahan sabagaimana yang di-fikirkan-nya patut.

(25) Sa-orang pemegang lesen ada-lah terikat kapada Undang²-kecil ini dan kapada syarat² lain sabagaimana yang mungkin di-kenakan oleh Pegawai Kesehatan.

7. Sa-siapa yang melakukan suatu kesalahan terhadap Undang²-kecil ini, jika tiada lain² denda yang di-nyatakan, boleh di-kenakan denda yang tidak lebih daripada \$250 atau bagi kesalahan yang berterusan, sa-banyak \$25 bagi tiap² hari sa-lama kesalahan itu di-teruskan.

8. "Undang²-kecil berkaitan dengan kandang² kuda, kandang² lembu-kerbau, dan pondok² lembu, dan tempat² memelihara babi" Perbaridaran George Town, Pulau Pinang, dan pindaan² seterusnya, ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

Denda

Pemansokhan
G.N. 179/1905.
3639/46.
392/47.
2989/47.

JADUAL

(Undang²-kecil 4)

Untuk suatu lesen bagi:

(a) sa-hingga 15 ekor lembu-kerbau	...	\$ 30 sa-tahun;
(b) 16 hingga 50 ekor lembu-kerbau	...	\$ 75 sa-tahun;
(c) lebih dari 50 ekor lembu-kerbau	...	\$150 sa-tahun.

Bertarikh di-Pulau Pinang pada 30hb Mei, 1969.
[PSUK/PP/14429: (0.1267).]

LEE THIN PEE.

Setia-usaha,

Majlis Meskuarat Kerajaan, Pulau Pinang

